

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG  
[ KOTA SAMARAHAN ]**

**TARIKH : 12 OKTOBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN:**

**PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:-

- (a) apakah pelan tindakan yang telah dirancang pihak Kementerian selepas negara mencapai imuniti kelompok; dan
- (b) adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengenakan dos ketiga atau lebih bagi Program Imunisasi COVID-19 dalam menghadapi varian merbahaya seperti Delta, Delta Plus dan Lambda.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Pada 3 Oktober 2021, seramai 87.6% penduduk dewasa telah menerima vaksin COVID-19 yang lengkap. Walau bagaimanapun, PICK akan terus dilaksanakan untuk memastikan seramai mungkin menerima vaksin agar imuniti yang maksimum dapat dibentuk di kalangan masyarakat. Sehubungan dengan itu, aktiviti vaksinasi ("*mopping up*") akan dilaksanakan bagi mereka yang layak tetapi masih belum menerima vaksin. Selain itu, tindakan kesihatan awam masih perlu dilaksanakan secara berterusan termasuk melaksanakan langkah-langkah pencegahan dan kawalan bagi mengawal perebakan jangkitan virus.
2. Kerajaan telah mempertimbangkan untuk pemberian suntikan ketiga berdasarkan kepada data kajian serta maklumat yang diperolehi melalui pemantauan surveilan selepas imunisasi seperti kajian "seroconversion" yang dijalankan di dalam negara dan di luar negara serta syor kumpulan pakar terutama di dalam menghadapi varian-varian baru yang lebih virulen dan cepat merebak.
3. Hasil kajian menunjukkan berlakunya keadaan penurunan antibodi di kalangan penerima vaksin terutama individu yang berisiko tinggi dan yang telah menerima vaksin melebihi 6 bulan dari dos lengkap iaitu pesakit yang mempunyai kurang daya tahan melawan jangkitan (*immunocompromised patients*), petugas barisan hadapan dari sektor kesihatan dan perubatan (HCW) dan individu yang berada di institusi atau pusat jagaan dalam masa yang lama.
4. Dalam hal ini, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan pada 19 September 2021 bahawa kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan pemberian dos ketiga vaksin COVID-19 bagi meningkatkan perlindungan kepada golongan rentan daripada risiko jangkitan COVID-19. Sekian, terima kasih.